



PEKERJA memunggh ikan di sebuah pelabuhan perikanan di Banda Aceh pada 16 Jun lalu. – AFP

Makanan akuatik catat rekod pada 2020

LISBON, PORTUGAL – Jumlah ikan, kerang dan alga yang ditangkap di habitat liar dan ternakan akuatik mencatat rekod 214 juta tan pada tahun 2020, kata Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO) kelmarin.

Didorong peningkatan dalam sektor akuakultur, rekod baharu itu membawa berita baik ketika penduduk dunia berdepan lonjakan harga dan kekurangan bekalan makanan yang antara lain disebabkan oleh perang Ukraine, gangguan rangkaian bekalan dan inflasi.

“Pertumbuhan sektor perikanan dan akuakultur amat penting dalam usaha untuk menghapuskan kelaparan dan kekurangan zat di peringkat global, kata pengarahnya, Qu Dongyu.

Bagaimanapun, masalah seperti tangkapan melampau di laut, perubahan iklim dan pencemaran mengancam sektor tersebut sekiranya tidak ditangani, demikian menurut FAO dalam laporan perikanan dunia 2022.

“Pertumbuhan pesat akuakultur kerap kali merosakkan alam sekitar. Namun, pembangunan akuakultur yang lestari adalah kritikal untuk memenuhi peningkatan permintaan makanan,” kata laporan itu.

Pengeluaran haiwan akuatik dalam tahun 2020 berjumlah 178 juta tan dengan sektor perikanan dan akuakultur menyumbang sama rata.

Baki 36 juta tan lagi datang daripada pengeluaran alga.

Secara keseluruhan, pen-

uduk dunia mengambil lebih 20 kilogram makanan akuatik setahun pada masa ini, meningkat lebih dua kali ganda berbanding 50 tahun lalu.

Di peringkat global pula, 17 peratus sumber protein datang daripada sumber akuatik, manakala di Asia dan Afrika, angka tersebut meningkat kepada lebih 50 peratus.

“Peranan makanan akuatik dalam keselamatan makanan dan nutrisi semakin diiktiraf,” kata Qu.

Negara Asia membekalkan 70 peratus ikan dan ternakan akuakultur pada 2020.

China kekal pengeluar perikanan terbesar diikuti oleh Indonesia, Peru, Russia, Amerika Syarikat (AS) dan Vietnam. – AFP